

## **Makna Simbolik Pondok Masyarakat Orang Asli Suku Kaum Jakun di Kampung Sentosa, Lenga, Johor**

Mohamad Suhaizi Suhaimi

[msuhaizi@iium.edu.my](mailto:msuhaizi@iium.edu.my)

*Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*

Aifa Nadhila Abd Wahid

[aifaiium19@gmail.com](mailto:aifaiium19@gmail.com)

*Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*

### **ABSTRAK**

Binaan pondok masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun dibina sepenuhnya menggunakan sumber alam dan mampu mencerminkan jati diri bagi kaum Orang Asli. Sekiranya kajian dan pendedahan mengenai pembinaan pondok Orang Asli tidak diketengahkan, makna simbolik pembinaan tersebut akan dilupakan oleh generasi akan datang. Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti bahan binaan pondok masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun di Kampung Sentosa, Lenga, Johor. Selain itu, analisis terhadap makna simbolik turut dijalankan bagi setiap bahan binaan pondok tersebut. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif dengan menjalankan temu bual dan pemerhatian di kawasan lapangan kajian. Hasil kajian mendapati bahawa bahan binaan yang digunakan untuk membina pondok terdiri daripada Bengkawan, Buluh Tilan, Gantung Atap, Rotan Jawa dan Tiang Kayu. Setiap bahan binaan juga dianalisis untuk menemukan makna simbolik seperti Bengkawan dengan simbolik setia kawan, bentuk ikan Tilan yang membawa simbolik kepada Buluh Tilan, Rotan Jawa dari kepulauan Jawa, dan Tiang Kayu sebagai simbolik kekuatan dan ketuanan individu dalam membina sesebuah pondok.

**Kata Kunci:** binaan tradisional; makna simbolik; pondok; suku kaum Jakun; Orang Asli.

### **Symbolic Meaning of Jakun Tribe's Hut in Kampung Sentosa, Lenga, Johor**

### **ABSTRACT**

The construction of traditional huts by the Jakun sub-ethnic group of the Orang Asli community is deeply rooted in the use of natural resources and serves as a tangible expression of their cultural identity. However, in the absence of comprehensive research and public awareness, the symbolic significance embedded within these architectural practices risks being lost to future generations. In light of this concern, the present study was undertaken to identify the primary building materials employed in the construction of huts by the Jakun Tribe in Kampung Sentosa, Lenga, Johor. Additionally, the study aims to analyze the symbolic meanings attributed to each of these materials. This research adopts a qualitative methodology, incorporating in-depth interviews and field observations conducted within the study site. The

findings reveal that the construction materials include Bengkawan, Buluh Tilan, Gantung Atap, Rotan Jawa, and Tiang Kayu. Each of these materials carries distinct symbolic meanings: Bengkawan signifies camaraderi, the form of the Tilan fish is reflected in Buluh Tilan, Rotan Jawa represents cultural connections to the Javanese archipelago, and the Tiang Kayu symbolize strength and individual sovereignty in the context of hut construction.

**Keywords:** traditional build; symbolic meaning; hut; Jakun Tribe; Indigenous People.

## PENDAHULUAN

Tradisi adalah semua bentuk kebiasaan yang disalurkan atau diwariskan dari masa lalu sehingga masa kini (Tutuk Ningsih, 2019). Kebiasaannya, sesuatu aktiviti dalam masyarakat boleh disebut sebagai tradisi sekiranya hal tersebut kekal diamalkan secara turun-temurun dan sudah sebat dengan sesuatu masyarakat. Menurut Paiz Hassan dan Mohd Anuar Ramli (2020), komuniti Orang Asli di Malaysia masih dianggap sebagai kumpulan atau sebahagian kecil daripada keseluruhan populasi penduduk di Malaysia. Justeru, masyarakat ini dianggap sebagai masyarakat minoriti dengan jumlah 178,197 orang yang mewakili kira-kira 0.6 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk Malaysia. Meskipun begitu, masyarakat Orang Asli masih memiliki identiti, budaya dan tradisi mengikut pecahan etnik dan tempat tinggal masing-masing.

Masyarakat Orang Asli merupakan kumpulan yang minoriti di negara ini namun mereka bukanlah masyarakat yang dianggap asing lagi khususnya di semenanjung Malaysia. Hal ini demikian kerana, kajian ke atas Orang Asli sering dijalankan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu dari dalam maupun luar negara. Menurut Mohamad Suhaizi Suhaimi, Mohamad Yusrizal Mohamad Noor dan Nurul Najihah Abdullah Thani (2022), Orang Asli di Malaysia terdiri daripada tiga etnik iaitu Senoi, Melayu Proto dan Negrito. Kajian ini memfokuskan etnik Melayu Proto yang dipecahkan kepada enam sub etnik antaranya Orang Kanaq, Orang Kuala, Temuan, Seletar, Semelai dan Jakun. Oleh itu, masyarakat Orang Asli di Kampung Sentosa, Lenga terdiri daripada kumpulan etnik Melayu Proto dengan sub etnik masyarakat Orang Asli suku Kaum Jakun.

Masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun berasal dari Yunan iaitu Selatan China dan mula berhijrah 5000 tahun dahulu (Siti Fatiemah Sa'at & Jama'yah Zakaria, 2013). Orang Asli Jakun diketuai oleh pemimpin dengan gelaran Tok Batin. Tok Batin mempunyai kuasa penuh ke atas hal ehwal penduduk kampung. Orang Asli Jakun mempunyai budaya yang melambangkan identiti masyarakat dan jati diri antaranya pembinaan rumah tradisional yang berupa pondok yang tergolong dalam binaan tradisional. Secara umumnya, pondok Orang Asli terdiri daripada pelbagai jenis, kegunaan dan nama antaranya Pondok Negrito yang boleh dijadikan sebagai tempat bermain dan bersantai yang dibina di atas pokok sebagai tujuan perlindungan serta sebagai kediaman jangka masa panjang dan Sewang yang lazimnya dijadikan sebagai tempat berkumpul.

Setiap pondok yang dibina termasuk dalam pengelasan binaan tradisional yang dibina daripada bahan binaan tertentu. Bahan binaan yang digunakan pula masing-masing memiliki makna simbolik yang menggambarkan maksud berbeza-beza. Makna simbolik membawa definisi sesuatu yang membawa representasi objek, perasaan dan idea melalui satu medium yang sama iaitu simbol (Mohan, 2019). Berdasarkan definisi ini, bahan binaan pondok disifatkan sebagai simbol yang menjadi medium penyampaian mesej tertentu melibatkan representasi perasaan, kepercayaan dan pegangan sesuatu masyarakat. Maka kajian ini

dijalankan untuk memberi fokus kepada makna simbolik tehadap bahan binaan pondok masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun.

### Pernyataan Masalah

Setiap masyarakat dan suku kaum mempunyai adat dan peradaban tersendiri yang menjadi identiti dan keunikan suku kaum masing-masing. Adat dan peradaban diamalkan berdasarkan makna simbolik tersendiri misalnya dalam permainan tradisional, adat perkahwinan dan binaan pondok tradisional bagi Orang Asli. Beberapa kajian telah dijalankan ke atas masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun antaranya kajian asimilasi budaya perkahwinan dan makna simbolik oleh Shaqinur Ain Mohidin dan Mohamad Suhaizi Suhaimi (2022). Selain itu, kajian berkaitan simbolik pula telah dijalankan oleh Sesilia Seli dan Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2017) mengenai makna dan simbol fizikal dalam sastera lisan Ne'Baruakng Kulup. Namun begitu, kajian-kajian mengenai pembinaan pondok masyarakat Orang Asli khususnya suku kaum Jakun dan makna simbolik bahan binaan pondok tersebut belum pernah dijalankan. Sekiranya kajian dan pendedahan tidak diketengahkan, makna simbolik pembinaan pondok masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun akan dilupakan oleh masyarakat berkenaan. Hal ini perlu dielakkan bagi memelihara salah satu identiti bangsa Orang Asli sesuai dengan keterangan Noor Azam Abdul Rahman, Noraziah Mohd Amin dan Wan Noorli Razali (2017) iaitu setiap bangsa mempunyai elemen tersendiri yang perlu dipelihara sepanjang zaman sebagai lambang kewujudan sesebuah bangsa dan ketamadunan bangsa tersebut.

Sehubungan dengan itu, makna simbolik seharusnya diketahui oleh semua lapisan masyarakat sesuatu kaum. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan kekeliruan serta menambah pengetahuan terhadap adat dan tradisi yang diamalkan seperti pembinaan pondok masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun. Menurut Wan Ahmad Amir Zal et al (2014), kebolehcapaian masyarakat Orang Asli terhadap sumber hutan yang boleh dijadikan bahan binaan adalah sangat rendah. Hal ini membuktikan keistimewaan pembinaan pondok masyarakat Orang Asli. Hal ini bertepatan dengan kenyataan Liza Marziana Mohammad Noh et. al (2016) iaitu kekeliruan dapat dielakkan terhadap simbolik yang wujud kerana setiap makna simbolik membawa fungsi-fungsi yang tersendiri.

### METODOLOGI

Kajian dijalankan ke atas sekumpulan masyarakat Orang Asli di Kampung Sentosa, Lenga. Oleh itu, kajian ini memerlukan metodologi sosiologi yang akan menerapkan reka bentuk kajian kualitatif. Menurut Faridah Nazir, Nurul Jamilah Rosly dan Nora Azian Nahar (2020), reka bentuk kualitatif merupakan satu penerangan terperinci mengenai situasi, peristiwa, orang, interaksi dan kelakuan orang yang diperhatikan. Selain itu, kajian kualitatif juga sesuai dalam pemerhatian yang melibatkan pengalaman, sikap, kepercayaan dan pemikiran kumpulan kajian.

Sampel kajian dipilih berdasarkan teknik teknik persampelan *purposive* atau turut dikenali sebagai persampelan bertujuan. Sampel kajian dipilih berdasarkan keterangan Siti Yuliandi Ahmad dan Nurul Fardini Zakaria (2021) bahawa kaedah persampelan *purposive* sesuai digunakan sekiranya pengkaji memerlukan ciri spesifik dari responden. Kajian memerlukan sampel dengan ciri spesifik iaitu kearifan dan kepakaran dalam bidang binaan tradisional khususnya binaan pondok di kawasan kajian. Sampel yang dipilih secara *purposive* membantu meningkatkan ketepatan kajian. Hal ini dikatakan demikian kerana, kajian yang dijalankan adalah berkaitan dengan pengetahuan khusus yang belum tentu dimiliki oleh setiap individu dalam populasi kajian.

Dalam kajian ini, sampel yang dipilih secara *purposive* terdiri daripada masyarakat setempat yang menetap di Kampung Sentosa, Lenga, Johor dan sampel yang dipilih perlu cakna dengan makna simbolik pembinaan pondok masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun. Selain kaedah tersebut, pemilihan sampel juga dijalankan berdasarkan pendekatan pemerolehan Chambers dan Trudgill (1997) iaitu NORMs. NORMs merupakan akronim bagi *Non-mobile* (penduduk asal), *Old* (golongan tua), *Rural* (tinggal di pedalaman) dan *Male* (lelaki) atau *Female* (perempuan). Sampel yang dipilih merupakan satu-satunya individu yang mahir tentang pembuatan pondok iaitu Siah yang berusia 53 tahun.

## ANALISIS DAN DAPATAN

Bahagian ini menyenaraikan bahan binaan pondok masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun di Kg. Sentosa, Lenga yang berjaya dikenal pasti sepanjang proses pengumpulan data. Antara bahan binaan yang berjaya dikenal pasti ialah daun rumbia yang membentuk Bengkawan, Buluh Tilan, Rotan Jawa, Tiang Kayu dan Gantung Atap.

### Bengkawan

Bengkawan merupakan salah satu bahan binaan yang penting dalam pembinaan pondok. Secara umumnya, bengkawan merupakan bilah buluh yang digunakan sebagai tulang atap rumbia, atap nipah dan lain-lain. Dalam konteks pembinaan pondok di Kampung Sentosa, Bengkawan merupakan nama bagi atap rumbia yang dibina dan dihasilkan melalui beberapa proses. Bengkawan diperbuat daripada buluh yang diraut seterusnya membentuk atap seperti sepasang sayap.



GAMBAR 1. Kepingan Bengkawan

Bahan asas yang digunakan untuk membentuk Bengkawan ialah daun rumbia yang disambungkan melalui proses menyemat. Daun rumbia disemat membentuk satu kepingan atap kemudiannya proses diulang bagi membentuk beberapa kepingan Bengkawan yang mencukupi untuk dijadikan sebagai atap pondok. Kegunaan daun rumbia sebagai bahan asas pembentukan Bengkawan berikutan daun tersebut mampu bertahan sehingga 15 tahun tanpa kerosakan. Daun

rumbia juga tidak bersifat menyerap haba maka pondok yang dibina akan berada dalam keadaan dan suhu dingin yang lebih selesa.

Selain ketahanan dan sifat anti penyerapan haba, daun rumbia juga mudah didapati oleh masyarakat Orang Asli di Kampung Sentosa, Lenga. Kebolehcapaian terhadap sumber hutan dan kos yang lebih rendah juga mendorong penggunaan daun rumbia dalam proses menghasilkan Bengkawan yang akan dijadikan atap pondok.

### Buluh Tilan

Buluh Tilan merupakan sejenis buluh yang tergolong dalam kumpulan monokotilidon dari *Gramineae* dalam keluarga rumput-rampai. Buluh tumbuh dalam kawasan beriklim sederhana, serta separa-tropika. Buluh tumbuh subur di kawasan yang terbuka dan bersaliran baik. Kawasan Kampung Sentosa, Lenga merupakan kawasan yang menepati ciri tersebut berikutnya kampung tersebut dikelilingi kawasan hutan terbuka dan sungai yang sentiasa mengalir. Buluh secara umumnya boleh didapati dalam dua bentuk pertumbuhan iaitu *monopodial* dan *simpodial*. Buluh tilan yang boleh didapati oleh masyarakat Orang Asli di sini tumbuh dalam keadaan *simpodial*.



Gambar 2. Buluh Tilan

Pertumbuhan buluh dengan bentuk *simpodial* memudahkan proses pencarian dan kelangsungan bahan binaan pondok. Buluh Tilan digunakan sebagai rangka utama yang akan menggantungkan hasil sematan daun rumbia dalam pembentukan Bengkawan. Sebelum menjadi sebuah bahan binaan, Buluh Tilan perlu dibelah dan ditukarkan kepada saiz yang lebih kecil malah perlu dibelah secara sekata dalam aspek ketebalan dan saiz. Hal ini penting bagi memastikan keseragaman saiz kepingan Bengkawan yang terhasil.

### **Rotan Jawa**

Rotan Jawa merupakan sejenis rotan yang digunakan untuk menyemat daun rumbia dalam proses penghasilan Bengkawan. Rotan Jawa digunakan dalam pembinaan pondok masyarakat ini berikutan rotan jenis ini merupakan rotan yang paling mudah didapati di sekitar kawasan hutan kampung tersebut. Selain itu, Rotan Jawa digunakan sebagai benang yang mencantumkan kepingan daun rumbia untuk membentuk bengkawan.



GAMBAR 3: Rotan Jawa

Rotan Jawa diambil dari kawasan hutan tempat tinggal masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun di kampung ini dan bersifat rotan liar yang tidak ditanam oleh penduduk kampung sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana, rotan liar mempunyai ketahanan yang lebih tinggi berbanding rotan yang ditanam sendiri (Mohamad Hakimi Ahmad Khairuddin dan Muammar Ghaddafi Hanafiah, 2021). Ketahanan yang tinggi diperlukan untuk memastikan Rotan Jawa mampu bertahan dalam pelbagai keadaan cuaca dalam jangka masa yang lama sama seperti daun rumbia.

### **Tiang Kayu**

Ketahanan dan kestabilan sebuah binaan bergantung pada bentuk dan jenis tiang yang digunakan. Dalam pembinaan pondok masyarakat ini, Tiang Kayu yang digunakan juga diambil dari sumber semula jadi. Tiang yang digunakan tidak melalui proses industri sebaliknya, batang pokok diambil dan ditajamkan untuk membentuk pasak atau baji. Hal ini bertujuan untuk menjimatkan kos berikutan kayu yang telah diproses pastinya berharga lebih mahal dan memiliki kadar kebolehcapaian yang lebih rendah berbanding batang pokok semula jadi.



GAMBAR 4. Tiang Kayu

Proses memotong dijalankan bagi tujuan menajamkan salah satu hujung Tiang Kayu. Hujung yang tajam disebut sebagai pasak yang akan dimasukkan ke dalam tanah. Bentuk pasak yang tajam dan susunan Tiang Kayu yang teratur akan membentuk *Soil Bearing Capacity* (SBC) atau daya ketahanan tanah yang mantap seterusnya membentuk ketahanan pondok yang kuat. SBC merupakan kapasiti atau kemampuan tanah untuk menyokong beban yang dikenakan terhadapnya. Ketahanan pondok bergantung kepada kedalaman Tiang Kayu berbentuk pasak tersebut dibenamkan dalam proses pembinaan. Justeru, kekuahan sebuah binaan juga bergantung pada kedalaman tiang yang dibenamkan.

### Gantung Atap

Gantung atap merupakan bahan yang digunakan untuk mengikat Bengkawan yang telah siap dibentuk dengan rangka kayu pada binaan pondok. Gantung atap seakan-akan berfungsi sebagai tali yang menyimpulkan kayu dan atap pondok. Bahan ini juga merupakan bahan yang penting untuk memastikan atap yang dibina kukuh dan mampu bertahan dalam semua keadaan cuaca.



GAMBAR 5: Gantung Atap

Ikatan gantung atap perlu dilakukan secara teliti oleh individu yang betul-betul mahir dalam proses mengikat agar tidak berlaku sebarang kesilapan yang boleh mengakibatkan ikatan yang menyatukan kayu dengan Bengkawan terlerai. Istimewanya, tiada peralatan khusus yang diperlukan untuk mengikat Gantung Atap malah kekuahan pondok akan ditentukan oleh kemahiran mengikat gantung atap masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun sendiri. Gantung atap juga merupakan salah satu bahan binaan yang berasal daripada rotan. Oleh yang demikian,

ketahanan Gantung Atap selaras dengan ketahanan Rotan Jawa yang menyemat kepingan daun rumbia pada Bengkawan.

### **Makna Simbolik Bahan Binaan Pondok Masyarakat Orang Asli Suku Kaum Jakun**

Bahagian ini menghuraikan hasil analisis yang diperoleh berkaitan dengan makna simbolik bahan binaan pondok masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun di Kampung Sentosa, Lenga. Makna simbolik dianalisis dan dihuraikan berdasarkan pembahagian bahan binaan terdiri daripada Bengkawan, Buluh Tilan, Rotan Jawa, Tiang Kayu dan Gantung Atap.

#### ***Bengkawan***

Bengkawan merupakan bahagian binaan yang dijadikan atap pondok dan dibina menggunakan Buluh Tilan, Daun Rumbia dan Rotan Jawa. Bengkawan biasanya dihasilkan secara secara bersama-sama oleh penduduk kampung.

Melalui proses pembentukan Bengkawan, terbentuk satu makna simbolik yang berkaitan dengan proses pembuatannya. Makna simbolik Bengkawan membawa maksud bahan binaan ini menerima nama tersebut sempena wujudnya sekawan daun rumbia untuk berubah menjadi kepingan atap yang sempurna. Melalui situasi ini, sebuah analogi yang menunjukkan sesuatu perkara jika dilakukan bersama-sama, maka akan membentuk sebuah kemenjadian yang bermanfaat. Selain itu, Bengkawan juga memiliki simbolik persahabatan yang dikaitkan dengan semangat setia kawan yang kuat antara penduduk kampung atau masyarakat yang terlibat sepanjang proses menghasilkan pondok ini.

Berdasarkan pemerhatian yang telah dijalankan di kampung ini, hampir semua rumah penduduk yang sudah lama dibina mempunyai sebuah pondok yang terletak di halaman rumah masing-masing. Kesemua pondok tersebut menggunakan Bengkawan sebagai atap. Penghasilan Bengkawan tersebut pula dijalankan bersama ahli keluarga dan jiran terdekat. Proses tersebut pula memerlukan masa yang lama ekoran daripada proses menyemat yang memerlukan penilitian pakar pembinaan sesebuah pondok. Maka, aktiviti tersebut mampu meningkatkan semangat setia kawan dan mengeratkan hubungan masyarakat Orang Asli di kampung tersebut.

#### ***Buluh Tilan***

Buluh merupakan bahagian binaan yang dijadikan tulang atau rangka utama Bengkawan. Sebelum menghasilkan Buluh Tilan yang sesuai dijadikan bahan binaan, proses membelah perlu dilakukan dan belahan buluh mesti dihasilkan dalam saiz yang sekata.

Makna simbolik Buluh Tilan ialah namanya diambil bersempena nama sejenis hidupan air tawar yang sering ditemukan di kawasan sungai semula jadi. Ikan berkenaan disebut sebagai ikan Tilan atau nama saintifiknya *Mastacembelus Erythorathaenia Bleeker* yang datang dari baka hidupan marin *Mastacembelidae*. Fizikal ikan Tilan dan Buluh Tilan masing-masing seakan menyerupai ciri tertentu antara satu sama lain. Pengadaptasian nama ikan ke atas nama buluh ini mungkin berlaku disebabkan oleh sifat masyarakat Orang Asli yang arif dan sangat dekat dengan kewujudan flora dan fauna. Tempat masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun di kampung ini juga merupakan kawasan perkampungan yang dikelilingi oleh habitat alam yang hadir secara semula jadi antaranya hutan dan sungai air tawar.

Ikan Tilan dan Buluh Tilan berbentuk panjang dan bulat seakan-akan sebuah silinder. Ikan Tilan tinggal di air tawar dan memiliki sirip duri yang halus. Kehadiran sirip duri yang halus juga signifikan dengan sifat buluh yang mempunyai duri halus sebagai ciri khusus yang

memelihara diri tumbuhan tersebut dari ancaman manusia atau haiwan di dalam hutan (Alias Abdullah, 2018). Bulu halus pada buluh akan meninggalkan kesan gatal pada individu atau haiwan yang menyentuh tumbuhan tersebut. Sehubungan dengan itu, ikan Tilan menggunakan sirip duri halus untuk memutuskan tali pancing bagi tujuan menyelamatkan diri. Selain sifat fizikal yang sama, ikan Tilan dan Buluh Tilan juga memiliki persamaan dari segi kekuatan yang wujud pada fizikal masing-masing. Ikan Tilan merupakan haiwan yang dianggap kuat berikutan berupaya melepaskan diri dari tali pancing manakala Buluh Tilan merupakan buluh yang kuat dan kukuh sehingga buluh tersebut sesuai dijadikan bahan binaan bagi pondok Orang Asli di sini.



GAMBAR 6: Ikan Tilan

### ***Rotan Jawa***

Rotan Jawa merupakan bahagian binaan yang diperlukan untuk menyemat helaian daun rumbia sebelum membentuk Bengkawan. Sebelum menghasilkan Rotan Jawa yang sesuai dijadikan bahan binaan, proses meraut perlu dilakukan dan bahan tersebut perlu dihasilkan dalam saiz kecil yang sekata.

Makna simbolik dan nama Rotan Jawa diambil sempena tempat majoriti habitatnya tumbuh dan pertama kali ditemui iaitu di Kepulauan Jawa, Indonesia. Makna simbolik pengekalan nama Rotan Jawa sehingga ke hari ini adalah berdasarkan kepercayaan masyarakat di Kepulauan Jawa mengenai anyaman rotan.

Anyaman rotan menjadi sebuah peradaban yang signifikan dengan masyarakat yang tinggal di Kepulauan Jawa, Indonesia. Antaranya, di Kalimantan Tengah, masyarakat sering menjadikan hal-hal berkaitan rotan sebagai motif tertentu yang menjadi elemen dalam setiap ritual adat di kawasan tersebut. Hal ini melibatkan semua upacara terdiri daripada upacara penyembahan roh, upacara penyembuhan atau perubatan dan upacara pernikahan. Oleh hal yang demikian, masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun di kampung ini memilih untuk mengekalkan nama Rotan Jawa berikutan kesignifikannya dengan identiti masyarakat di tempat asal rotan tersebut.

### ***Tiang Kayu***

Tiang Kayu merupakan bahagian binaan yang menentukan kestabilan pondok berdasarkan susunan tiang tersebut. Sebelum menghasilkan tiang kayu yang sesuai dijadikan bahan binaan, proses mengubah bentuk salah satu hujung tiang untuk menjadi lebih tajam perlu dijalankan.

Makna simbolik Tiang Kayu dikaitkan dengan sifatnya yang kukuh dan sebagai lambang kekuahan sesuatu binaan yang dihasilkan oleh masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun di Kg. Sentosa, Lenga. Selain melambangkan kekuahan masyarakat, tiang kayu turut menjadi simbolik kekuatan individu yang membinanya. Hal ini dikatakan demikian kerana, proses menjadikan Tiang Kayu sebagai pasak memerlukan bantuan sebarang peralatan atau bahan-bahan berat yang lain. Sebaliknya, individu yang membina pondok akan membenamkan tiang kayu tersebut menggunakan tenaga dan kekuatan tubuh badan sendiri. Sehubungan dengan itu, penggunaan tenaga sendiri pula dianggap melambangkan ketuanan dan identiti masyarakat Orang Asli di sini terhadap pondok yang dibina.

### ***Gantung Atap***

Gantung Atap merupakan bahagian binaan yang berfungsi sebagai tali dan *binding knots* yang mencantumkan Bengkawan dengan bahagian pondok yang lain. Gantung atap perlu diikat oleh individu yang berkemahiran dalam ikatan dan simpulan tali untuk mengelakkan atap pondok terjatuh begitu juga dengan bahagian lain yang diikat dengan menggunakan Gantung Atap.

Nama Gantung Atap diambil bersempena fungsinya sebagai tali pengikat yang menggantung kepingan bengkawan membentuk atap pondok yang sempurna. Hal ini dikatakan demikian kerana, masyarakat Orang Asli mengekalkan nama yang berkaitan dengan fungsi Gantung Atap agar kekeliruan lanjutan dapat dielakkan. Hal ini dikatakan demikian kerana, Gantung Atap dan Rotan Jawa merupakan bahan binaan yang sama-sama diperoleh dari tumbuhan rotan. Rotan yang membentuk Gantung Atap lebih tebal berbanding rotan yang digunakan untuk menyemat daun rumbia. Untuk membezakan fungsinya dengan Rotan Jawa yang sepatutnya digunakan untuk menyemat, pemberian nama tersebut berdasarkan fungsi masing-masing yang membantu mengelak kekeliruan yang boleh mengganggu kesempurnaan pondok.

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhan, pengkaji dapat merumuskan bahawa terdapat makna simbolik di sebalik bahan binaan yang digunakan untuk mendirikan binaan tradisional pondok Orang Asli suku kaum Jakun di Kg Sentosa, Lenga. Pengkaji juga berjaya mengenal pasti bahan binaan yang digunakan oleh masyarakat tersebut untuk mendirikan pondok antaranya Bengkawan, Buluh Tilan, Rotan Jawa, Gantung Atap dan Tiang Kayu. Setiap bahan pula memiliki makna simbolik yang berbeza terdiri daripada aspek nilai, persamaan fizikal, tempat asal, kepercayaan dan aspek fungsional.

## **RUJUKAN**

- Chambers, J. & Trudgill, P. (1997). *Dialectology*. 2nd edition. Cambridge University Press.  
 Faridah Nazir, Nurul Jamilah Rosly & Nora'Azian Nahar. (2020). *Kaedah Penyelidikan Bahasa Melayu* (Cetakan Pertama). SYFE Management SDN BHD.

- Liza Marziana Mohammad Noh et. al. (2016). Budaya Melayu sebagai simbol dan makna dalam seni catan moden Malaysia. *Empowering Local Mind in Art Design & Cultural Heritage 3rd ISME International Colloquium 2016*.
- Mohamad Hakimi Ahmad Khairuddin & Muammar Ghaddafi Hanafiah. (2021). Perubahan budaya masyarakat Orang Asli Suku Temiar di Kampung Bukit Cermin, Kuala Kangsar, Perak. *Malaysian Journal of Society and Space*, 17(2), 298-312.
- Mohamad Suhaizi Suhaimi, Mohamad Yusrizal Mohamad Noor & Nurul Najihah Abdullah Thani. (2022). The taboos of the indigenous people of the Jakun tribe, Kampung Sentosa Lenga, Johor: a preliminary survey. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(10), 754-762.
- Mohan, S. (2019). *Symbolism*. Diambil daripada [https://www.researchgate.net/publication/337669587\\_Symbolism](https://www.researchgate.net/publication/337669587_Symbolism)
- Noor Azam Abdul Rahman, Noraziah Mohd Amin & Wan Noorli Razali. (2017). Persepsi pelajar Melayu UNITEN berkaitan kemahiran menggunakan tulisan jawi sebagai lambang identiti bangsa Melayu dan tulisan jawi sebagai lambang identiti bangsa Melayu beragama Islam. *Sains Insani*, 2(1), 42–47.
- Paiz Hassan & Mohd Anuar Ramli. (2020). Isolasi sosio-budaya masyarakat Orang Asli di Malaysia dan kesannya terhadap pentafsiran hukum Islam. *Journal of Fatwa Management and Research*, 21(1), 1–20.
- Sesilia Seli & Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2017). Makna simbol-simbol fizikal daripada kearifan tempatan dalam cerita ne’baruakng kulup sastera lisian Dayak Kanayatn. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 27(1), 70–105.
- Shaqinur Ain Mohidin & Mohamad Suhaizi Suhaimi. (2022). Asimilasi budaya adat perkahwinan masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun dengan masyarakat Melayu setempat. *International Journal of Undergraduate Research*, 3(1), 153–161.
- Siti Fatiemah Saat & Jama’yah Zakaria. (2013). Masa depan cerita rakyat masyarakat Orang Asli Jakun. *International Journal of the Malay World and Civilization*, 1(1), 83–88.
- Siti Yuliandi Ahmad & Nurul Fardini Zakaria. (2021). *Pengenalan kepada Data Analisis dan Interpretasi* (Cetakan Pertama). Kuliyyah of Languages and Management.
- Tutuk Ningsih. (2019). Tradisi saparan dalam budaya masyarakat Jawa di Lumajang. *IBDA : Jurnal Kajian Islam dan Budaya*, 17(1), 79–93.
- Wan Ahmad Amir Zal et al. (2014). Kebolehcapaian dan keterancaman modal semula jadi Orang Asli Lanoh di Malaysia. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 10(2), 178-188.

### Biodata Penulis

Mohamad Suhaizi Suhaimi, Ph.D

Pensyarah kanan di Jabatan Bahasa Melayu, Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kampus Pagoh. Bidang pengkhususan beliau ialah Penerbitan Naskhah Bahasa Melayu dan Sosiolinguistik.

Aifa Nadhila Abd Wahid

Graduan bagi program Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Bahasa Melayu untuk Komunikasi Antarabangsa di Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kampus Pagoh.